



Prakata

SYUKUR ALHAMDULILLAH segala puji Allah SWT, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga dan para sahabat seluruhnya. Dengan limpah kurnia Allah SWT akhirnya novel sulung ini dapat diusahakan dan diterbitkan setelah menjalani masa yang agak panjang agar *Aku Bukan Raja* dapat dibaca oleh pembaca-pembaca budiman. Novel ini ditulis berdasarkan keinginan penulis secara peribadi untuk menyatakan dan memberi tahu apa ada pada gelaran yang semakin hari diagung-agungkan oleh mereka yang berdarah keturunan dan memakai nama gelaran? Di dunia ini kita perlu mengekalkan susur galur pewarisan dan salasilah keturunan tetapi tidak perlu sampai berlebihan hingga terlalu jumud. Berpeganglah pada hakikat bahawa gelaran tidak dapat menyelamatkan kita untuk disoal malaikat Munkar dan Nakir di alam barzakh melainkan iman dan takwa yang menjadi pegangan hidup selama-lamanya.

Sekalung penghargaan kepada Dr. Mohd Haidi Mohd Kasran dari Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu, Kuala Lumpur, Hajah Maskiah Haji Masrom dari Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH), Johor, Profesor Madya Dr. Shaiful Bahri Md Radzi dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor dan isteri tersayang Hajah Noorani Haji Amran serta rakan-rakan yang sentiasa memberikan inspirasi, galakan, sokongan dan tunjuk ajar sehingga *Aku Bukan Raja* dihasilkan. Akhir kalam, penulis memohon maaf kerana penulisan penulis masih lagi banyak kekurangan dan kekeringan malah jauh daripada kesempurnaan. Selamat membaca dan menghayati *Aku Bukan Raja*.

HAJI RAJA ABDUL RAHMAN BIN HAJI RAJA BASOK

9 November 2019 / 12 Rabiulawal 1441H

e-mel: abg_king@hotmail.com

FB: RajaAbdul Rahman Raja Basok

kadang sampai berpuluh dan beratus ribu ringgit. Akulah yang menulis cek apabila ayah menyuruh berbuat demikian selepas merasmikan sesuatu majlis. Memang ayah aku seorang pemurah dan dermawan. Namanya sentiasa bermain di bibir pengerusi-pengerusi persatuan, NGO atau badan kebajikan apabila mencari tetamu berstatus VIP untuk merasmikan program atau majlis yang dianjurkan oleh mereka.

Setiap kali mendapat undangan rasmi, ayah berfikiran terbuka. Tidak kira sama ada majlis atau program yang akan dirasmikannya dari pihak parti pemerintah, pembangkang atau anjuran NGO dari kaum Cina, India mahupun Punjabi. Ayah tidak memilih warna kulit dan sentiasa memberi bantuan apabila diminta dan dimohon oleh mereka yang memerlukan seperti kebakaran rumah, bencana alam seperti banjir, kematian, wang sagu hati berjaya melanjutkan pelajaran ke universiti awam dan menjadi penyumbang tetap barang-barang dapur di tiga pusat tahfiz setiap bulan.

Kehidupanku amat mewah. Bayangkan setiap akhir bulan ayah akan memberi padaku duit kocek satu hingga dua ribu ringgit. Katanya buat belanja sekolah dan diri sendiri tidak termasuk duit yang emak beri secara senyap-senyap tanpa pengetahuan ayah. Bagi aku, orang sudah bagi duit aku sebat saja. Rezeki jangan ditolak, maut jangan dicari.

Ketika umurku lapan belas tahun dan berada di tingkatan enam, ayah telah membelikan sebuah kereta jenama Honda Civic. Katanya sebagai hadiah kerana mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan SPM. Aku bersyukur pada Tuhan. Aku tidak meminta tetapi pada suatu hari bila aku balik rumah, ayah menyerahkan kunci kereta padaku. Setiap hari aku melaram dengan kereta baharu ditemani kawan-kawanku yang sama-sama bersekolah di Sekolah Tinggi Muar. Ketika itu aku merupakan salah seorang pelajar pergi dan balik dari sekolah menaiki kereta sendiri.

Walau bagaimanapun aku tidak mendabik dada dan ego. Aku masih mengenali dan menjadi diri sendiri serta bergaul dengan rakan-rakan sekolah tanpa memilih warna kulit dan kedudukan. Aku masih boleh makan cendol di warung, rojak petis di *bus stand* Muar-Pagoh, sembang-sembang di Restoran Kim Leng, makan-makan di Restoran Muara dan bersifat nakal apabila bersama dengan kawan-kawanku terutama bila berjumpa atau terserempak dengan perempuan. Aku tahu semua yang ada pada diriku tidak akan kekal lama dan



tahu aku menghisap rokok. Dengan ayah pula selalu aku menghilangkan bau rokok pada tangan, mulut dan baju jika dia ada di rumah.

Dalam fikiranku apa yang nak dibanggakan sangat berdarah raja? Bila masuk ke liang lahad, semuanya ditinggalkan dan hanya amalan dan ibadat dibawa menemani. Ayat yang selalu aku berkias dengan emak dan ayah tetapi macam tidak diendahnya. Ayah memberikan padaku salasilah keluarga dari susur galur arwah atuk dan nenda perempuan. Itu pun dia perolehi dari arwah atuk dari Riau, Indonesia manakala dari nenda perempuan diperoleh dari nenek saudara di Jalan Temenggong, Segamat.

Salasilah keluarga yang sudah lama. Kelihatan kertasnya sudah pudar dan tulisan jawinya agak kabur. Berpinar mata aku melihat salasilah yang bercabang-cabang dan terpaksa membaca setiap perkataan dengan menggunakan kanta pembesar. Aku hanya memahami jika mengikut gelaran kaum bangsawan, raja itu dari keturunan Bugis Luwuk juga dari keturunan Yang Dipertuan Muda Riau termasuk gelaran 'Engku'. Gelaran raja biasanya dipanggil dengan nama engku.

"Arwah atuk berasal dari Pulau Nungsa, Riau. Itu istana di Pulau Penyengat tempat atuk Aman bermain-main dengan sepupu-sepupunya. Datuk moyang atuk namanya Almarhum Raja Abdul Rahman, Marhum Kampung Bulang. Pedang dalam almari itu arwah atuk yang bagi untuk disimpan."

"Oh, ya ke ayah? Nama serupa pula dengan Aman."

"Atuk perempuan pula cucu kepada Almarhum Dato' Temenggong Paduka Tuan Engku Mohd Saleh, Marhum Pangkalan Kota, Raja Temenggong Muar yang ketujuh. Dulu Muar-Kesang sebuah negeri bukannya daerah seperti hari ini. Moyang Aman ditauliahkan menjadi wakil mutlak Sultan Johor untuk memerintah dan mentadbir negeri Muar. Alat kebesaran dan senjata moyang Raja Temenggong Muar masih lagi ayah simpan sebagai bukti kita adalah waris Raja Temenggong Muar."

"Muar sebuah negeri?" tanyaku pada ayah.

"Ya, betul tu."

"Kenapa Muar sekarang jadi daerah? Kesang sepatutnya berada dalam daerah Muar dan sekarang ini masuk ke dalam daerah Tangkak?" tanyaku lagi pada ayah.

Bab 4

AYAH membelek-belek buku sejarah negeri Muar sambil melihat muka surat yang ditandanya. Sesekali ayah memeriksa salasilah negeri Muar serta manuskrip Raja-Raja Temenggong Muar. Aku melihatnya dengan seribu pertanyaan bermain di fikiranku. Aku hanya duduk diam dan bersedia dengan apa yang akan diceritakan oleh ayah. Yang pentingnya aku akan sentiasa bertanya kepada ayah fakta-fakta yang memang sentiasa meragukan.

“Soalan Aman tadi ini jawapannya. Dengar baik-baik ayah baca. Kita mulakan dengan perang saudara di Muar. Perang ini dikenali juga dengan ‘Perang Jementah’ disebabkan pertikaian politik antara keluarga Sultan Johor dan Temenggong Johor dalam menentukan pemerintah negeri Muar-Kesang. Pada 10 Mac 1855 satu perjanjian yang dinamakan Perjanjian Persetiaan dan Persefahaman antara Almarhum Sultan Ali Iskandar Syah ibni Sultan Hussin Muhammad Syah dengan Almarhum Dato’ Temenggong Daeng Ibrahim Seri Maharaja ibni Dato’ Temenggong Abdul Rahman Seri Maharaja telah diadakan. Perjanjian itu mengiktiraf Tengku Ali sebagai sultan tetapi Sultan Ali telah mensyaratkan gelaran sultan tidak boleh diperturunkan kepada waris-waris Temenggong Johor. Antara syarat-syarat lain yang diberi oleh Sultan Ali kepada Temenggong Daeng Ibrahim jikalau beliau hendak memerintah Johor ialah:

1. Termasuklah tidak boleh memakai tanjak/tengkolok/destar (sebab asal tanjak ini sebelum Kesultanan Melayu Melaka lagi, yang memakai tanjak hanya untuk golongan bangsawan dan orang berada sahaja. Ini menunjukkan kemuliaan darjat seseorang dalam masyarakat dan ada pelbagai jenis tanjak yang membezakan darjat dalam masyarakat).
2. Tidak boleh ‘dinafirikan’ sebab alat muzik ini dianggap ‘mulia’ dan hanya orang tertentu sahaja boleh memainkannya dan diarak dengan alunan nafiri itu (kononnya semacam ‘bertuan’ alat muzik ini).